

**ANUGERAH-ANUGERAH YANG DIPERTANDINGKAN BAGI ANUGERAH  
MEDIA PERKESO 2021 DAN HADIAH**

<b>BIL</b>	<b>KATEGORI</b>	<b>HADIAH</b>
1	Laporan Media Elektronik Terbaik	RM 3,000 + Trofi + Replika Cek + Sijil
2	Laporan Media Cetak Terbaik	RM 3,000 + Trofi + Replika Cek + Sijil
3	Laporan Media Digital Terbaik	RM 3,000 + Trofi + Replika Cek + Sijil
4	Anugerah Wartawan Terbaik (Media Elektronik)	RM 2,000 + Trofi + Replika Cek + Sijil
5	Anugerah Wartawan Terbaik (Media Cetak)	RM 2,000 + Trofi + Replika Cek + Sijil
6	Anugerah Wartawan Terbaik (Media Digital)	RM 2,000 + Trofi + Replika Cek + Sijil
7	Anugerah Fotografi Terbaik	RM 2,000 + Trofi + Replika Cek + Sijil
8	Anugerah Videografi Terbaik	RM 2,000 + Trofi + Replika Cek + Sijil
9	Anugerah Emas PERKESO	RM 5,000 + Trofi + Replika Cek + Sijil

## **SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN ANUGERAH MEDIA PERKESO 2021**

### **A. Syarat-Syarat Umum Penyertaan**

1. Penyertaan terbuka kepada **warganegara Malaysia** dan **Pemastautin Tetap (PR)** yang berkhidmat sebagai wartawan, jurugambar, jurukamera, pereka grafik dan penyunting video yang bekerja sepenuh masa dengan mana-mana organisasi media cetak, elektronik dan media dalam talian yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
2. *Stringer*, wartawan sambilan, jurugambar sambilan, jurukamera sambilan, pereka grafik sambilan dan penyunting video sambilan yang mewakili mana-mana organisasi media yang berdaftar juga layak menyertai pertandingan ini.
3. **Tiada had umur** ditetapkan bagi mana-mana kategori.
4. Bahan penyertaan hendaklah diterbitkan dalam mana-mana platform **media elektronik, media cetak dan media digital** bagi organisasi media di mana peserta itu berkhidmat bagi tempoh penyertaan yang dinyatakan.
5. Semua permohonan perlulah dikemukakan secara teratur dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan seperti di dalam borang permohonan.
6. Penyertaan hendaklah disahkan oleh Ketua Pengarang atau pihak pengurusan tertinggi agensi media.
7. Penyertaan untuk semua kategori hadiah dibuka mulai **1 Oktober 2021** dan tarikh tutup penyertaan adalah pada **21 Oktober 2021**.
8. Bahan-bahan yang diterbitkan atau disiarkan adalah dari **1 Jun 2020** sehingga **15 Oktober 2021**.
9. Format bagi setiap bahan media adalah seperti berikut:
  - a. Fotografi: JPEG atau PNG
  - b. Keratan Akhbar: PDF
  - c. Video: MP4 (Resolusi 720p atau 1080p)
10. Bagi laporan dan karya kewartawanan yang dihasilkan dalam Bahasa Cina dan Tamil hendaklah diterjemah kepada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
11. Setiap peserta hanya boleh menyertai **dua** kategori sahaja tetapi setiap kategori hendaklah karya yang **berasingan**. Namun, setiap peserta hanya layak memenangi satu kategori anugerah sahaja.

12. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu karya atau laporan bagi setiap kategori.
13. Semua penyertaan dan dokumen yang diterima akan menjadi hak milik PERKESO.
14. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

Jenis Platform

*Media Elektronik – Televisyen, Radio*

*Media Cetak – Surat Khabar, Majalah*

*Media Digital – Facebook, Instagram, Twitter, YouTube, Portal Berita*

## **B. Senarai Anugerah dan Syarat-Syarat Khusus Penyertaan**

### **1. Laporan Media Elektronik Terbaik**

Anugerah ini diberikan kepada pihak media yang menghasilkan laporan atau karya berita terbaik mengenai PERKESO dalam formal video atau audio dan dipaparkan menerusi platform media televisyen atau radio.

#### **Syarat Khusus**

- a. Jenis laporan seperti berita, kajian, komentar dan ulasan yang mengandungi elemen atau unsur visual atau audio. Program berbentuk wawancara dan dokumentari tidak layak menyertai kategori ini.
- b. Durasi bagi laporan video atau audio tidak melebihi 3 minit.
- c. Kandungan laporan hendaklah dengan jelas memaparkan mengenai peranan atau sumbangan PERKESO. Contohnya, produk atau skim yang dikuatkuasakan PERKESO seperti Skim Bencana Pekerjaan, Skim Keilatan, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), Skwad PERKESO Prihatin, faedah PERKESO, Portal MYFutureJobs, Pusat Rehabilitasi PERKESO, Program Return To Work dan sebagainya. Selain itu, kandungan laporan juga boleh berkisar mengenai inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan PERKESO menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi yang diperkenalkan Kerajaan seperti Program Pengekalan Pekerjaan (ERP), Program Subsidi Upah (PSU), PenjanaKerjaya, PenjanaGig, SPS Lindung, SIP PRIHATIN, Program Saringan Prihatin dan sebagainya.
- d. Hasil laporan perlulah bersifat asli dan memiliki hak cipta sepenuhnya.

## **2. Laporan Media Cetak Terbaik**

Anugerah ini diberikan kepada pihak media yang berjaya menghasilkan laporan atau karya berita terbaik mengenai PERKESO di platform media cetak.

### **Syarat Khusus**

- a. Laporan adalah seperti berita, kajian, komentar, kolum dan ulasan.
- b. Laporan berita hendaklah diterbitkan di platform media cetak seperti surat khabar dan majalah.
- c. Tiada had patah perkataan.
- d. Kandungan laporan berita yang mengandungi atau menggunakan elemen gambar, infografik atau bahan visual lain yang bersesuaian adalah digalakkan.
- e. Kandungan laporan hendaklah dengan jelas memaparkan mengenai peranan atau sumbangan PERKESO. Contohnya, produk atau skim yang dikuatkuasakan PERKESO seperti Skim Bencana Pekerjaan, Skim Keilatan, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), Skwad PERKESO Prihatin, faedah PERKESO, Portal MYFutureJobs, Pusat Rehabilitasi PERKESO, Program Return To Work dan sebagainya. Selain itu, kandungan laporan juga boleh berkisar mengenai inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan PERKESO menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi yang diperkenalkan Kerajaan seperti Program Pengekalan Pekerjaan (ERP), Program Subsidi Upah (PSU), PenjanaKerjaya, PenjanaGig, SPS Lindung, SIP PRIHATIN, Program Saringan Prihatin dan sebagainya.
- f. Hasil laporan perlulah bersifat asli dan memiliki hak cipta sepenuhnya.

### **3. Laporan Media Digital Terbaik**

Anugerah ini diberikan kepada pihak media yang menghasilkan laporan atau karya berita terbaik mengenai PERKESO di platform media digital.

#### **Syarat Khusus**

- a. Laporan adalah seperti berita, kajian, siasatan, komentar, kolum dan ulasan. Program berbentuk wawancara dan dokumentari juga layak untuk menyertai kategori ini.
- b. Laporan berita hendaklah diterbitkan di platform media digital seperti di media sosial (Facebook, Instagram, Twitter, YouTube etc.) atau portal berita atau media milik organisasi masing-masing.
- c. Kandungan laporan berita yang mengandungi atau menggunakan elemen gambar, video, infografik, animasi atau bahan visual lain yang bersesuaian adalah digalakkan.
- g. Kandungan laporan hendaklah dengan jelas memaparkan mengenai peranan atau sumbangan PERKESO. Contohnya, produk atau skim yang dikuatkuasakan PERKESO seperti Skim Bencana Pekerjaan, Skim Keilatan, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), Skwad PERKESO Prihatin, faedah PERKESO, Portal MYFutureJobs, Pusat Rehabilitasi PERKESO, Program Return To Work dan sebagainya. Selain itu, kandungan laporan juga boleh berkisar mengenai inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan PERKESO menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi yang diperkenalkan Kerajaan seperti Program Pengekalan Pekerjaan (ERP), Program Subsidi Upah (PSU), PenjanaKerjaya, PenjanaGig, SPS Lindung, SIP PRIHATIN, Program Saringan Prihatin dan sebagainya.
- d. Hasil laporan perlulah bersifat asli dan memiliki hak cipta sepenuhnya.

#### **4. Anugerah Wartawan Terbaik (Media Elektronik)**

Anugerah ini diberikan kepada individu yang berjaya menghasilkan karya atau laporan berita di platform media elektronik seperti televisyen atau radio berhubung dengan peranan dan tanggungjawab PERKESO yang dianggap cemerlang di dalam Anugerah Media PERKESO 2021 dan dinilai terbaik oleh Panel Hakim. Hasil karya individu ini memberikan impak yang besar dalam meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai perlindungan keselamatan sosial.

#### **Syarat Khusus**

- a. Penyertaan secara individu kepada pengamal media seperti wartawan atau editor di platform media elektronik sahaja.
- b. Tiada had umur individu yang ditetapkan.
- c. Karya atau laporan berita hendaklah diterbitkan atau disiarkan di dalam program atau rancangan menerusi platform media elektronik seperti televisyen atau radio milik organisasi media masing-masing.
- d. Kandungan laporan hendaklah dengan jelas memaparkan mengenai peranan atau sumbangan PERKESO. Contohnya, produk atau skim yang dikuatkuasakan PERKESO seperti Skim Bencana Pekerjaan, Skim Keilatan, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), Skwad PERKESO Prihatin, faedah PERKESO, Portal MYFutureJobs, Pusat Rehabilitasi PERKESO, Program Return To Work dan sebagainya. Selain itu, kandungan laporan juga boleh berkisar mengenai inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan PERKESO menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi yang diperkenalkan Kerajaan seperti Program Pengekalan Pekerjaan (ERP), Program Subsidi Upah (PSU), PenjanaKerjaya, PenjanaGig, SPS Lindung, SIP PRIHATIN, Program Saringan Prihatin dan sebagainya.
- e. Hasil laporan perlulah bersifat asli dan memiliki hak cipta sepenuhnya.

## **5. Anugerah Wartawan Terbaik (Media Cetak)**

Anugerah ini diberikan kepada individu yang berjaya menghasilkan karya atau laporan berita di platform media cetak seperti surat khabar dan majalah berhubung dengan peranan dan tanggungjawab PERKESO yang dianggap cemerlang di dalam Anugerah Media PERKESO 2021 dan dinilai terbaik oleh Panel Hakim. Hasil karya individu ini memberikan impak yang besar dalam meningkatkan kesedaran orang awam mengenai perlindungan keselamatan sosial.

### **Syarat Khusus**

- a. Penyertaan secara individu kepada pengamal media seperti wartawan atau editor di platform media cetak sahaja.
- b. Tiada had umur individu yang ditetapkan.
- c. Karya atau laporan berita hendaklah diterbitkan atau disiarkan menerusi platform media cetak seperti surat khabar atau majalah milik organisasi media masing-masing.
- d. Kandungan laporan hendaklah dengan jelas memaparkan mengenai peranan atau sumbangan PERKESO. Contohnya, produk atau skim yang dikuatkuasakan PERKESO seperti Skim Bencana Pekerjaan, Skim Keilatan, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), Skwad PERKESO Prihatin, faedah PERKESO, Portal MYFutureJobs, Pusat Rehabilitasi PERKESO, Program Return To Work dan sebagainya. Selain itu, kandungan laporan juga boleh berkisar mengenai inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan PERKESO menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi yang diperkenalkan Kerajaan seperti Program Pengekalan Pekerjaan (ERP), Program Subsidi Upah (PSU), PenjanaKerjaya, PenjanaGig, SPS Lindung, SIP PRIHATIN, Program Saringan Prihatin dan sebagainya.



- e. Hasil laporan perlulah bersifat asli dan memiliki hak cipta sepenuhnya.

## **6. Anugerah Wartawan Terbaik (Media Digital)**

Anugerah ini diberikan kepada individu yang berjaya menghasilkan karya atau laporan berita di platform media digital seperti media sosial dan portal berita berhubung dengan peranan dan tanggungjawab PERKESO yang dianggap cemerlang di dalam Anugerah Media PERKESO 2021 dan dinilai terbaik oleh Panel Hakim. Hasil karya individu ini memberikan impak yang besar dalam meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai perlindungan keselamatan sosial.

### **Syarat Khusus**

- a. Penyertaan secara individu kepada pengamal media seperti wartawan atau editor di platform media digital sahaja.
- b. Tiada had umur individu yang ditetapkan.
- c. Karya atau laporan berita hendaklah diterbitkan di media digital seperti di media sosial (*Facebook, Instagram, Twitter, YouTube etc.*) atau portal berita milik organisasi media masing-masing.
- d. Kandungan laporan hendaklah dengan jelas memaparkan mengenai peranan atau sumbangan PERKESO. Contohnya, produk atau skim yang dikuatkuasakan PERKESO seperti Skim Bencana Pekerjaan, Skim Keilatan, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), Skwad PERKESO Prihatin, faedah PERKESO, Portal MYFutureJobs, Pusat Rehabilitasi PERKESO, Program Return To Work dan sebagainya. Selain itu, kandungan laporan juga boleh berkisar mengenai inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan PERKESO menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi yang diperkenalkan Kerajaan seperti Program Pengekalan Pekerjaan (ERP), Program Subsidi Upah (PSU),

PenjanaKerjaya, PenjanaGig, SPS Lindung, SIP PRIHATIN, Program Saringan Prihatin dan sebagainya.

- e. Hasil laporan perlulah bersifat asli dan memiliki hak cipta sepenuhnya.

## **7. Anugerah Fotografi Terbaik**

Anugerah ini diberikan kepada individu yang berjaya menghasilkan hasil fotografi yang mempunyai nilai berita dan ciri-ciri estetika berhubung dengan peranan dan tanggungjawab PERKESO yang dianggap cemerlang di dalam Anugerah Media PERKESO 2021 dan dinilai terbaik oleh Panel Hakim.

### **Syarat Khusus**

- a. Penyertaan dibuka kepada mana-mana jurukamera dari media elektronik, media cetak dan media digital yang bekerja dengan organisasi media berdaftar.
- b. Tiada had umur ditetapkan.
- c. Tiada had penyertaan gambar untuk dihantar.
- d. Karya atau gambar hendaklah diterbitkan di dalam salah satu daripada platform media elektronik, media cetak dan media digital.
- e. Setiap penyertaan perlulah lengkap dengan kapsyen atau keterangan gambar yang bersesuaian.
- f. Hasil fotografi adalah asli dan memiliki hak cipta sepenuhnya.
- f. Foto hendaklah dengan jelas memaparkan mengenai peranan atau sumbangan PERKESO. Contohnya, produk atau skim yang dikuatkuasakan PERKESO seperti Skim Bencana Pekerjaan, Skim Keilatan, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), Skwad PERKESO Prihatin, faedah PERKESO, Portal MYFutureJobs, Pusat Rehabilitasi PERKESO, Program Return To Work dan sebagainya. Selain itu, kandungan laporan juga boleh berkisar mengenai inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan PERKESO menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi yang diperkenalkan Kerajaan seperti Program Pengekalan Pekerjaan (ERP), Program Subsidi Upah (PSU),

PenjanaKerjaya, PenjanaGig, SPS Lindung, SIP PRIHATIN, Program Saringan Prihatin dan sebagainya.

## **8. Anugerah Videografi Terbaik**

Anugerah ini diberikan kepada individu yang berjaya menghasilkan video berita dengan hasil suntingan yang baik dan memaparkan dengan jelas peranan dan tanggungjawab PERKESO yang dianggap cemerlang di dalam Anugerah Media PERKESO 2021 dan dinilai terbaik oleh Panel Hakim.

### **Syarat Khusus**

- a. Penyertaan dibuka kepada mana-mana juruvideo atau video editor dari media elektronik, media cetak dan media digital.
- b. Tiada had umur ditetapkan.
- c. Tiada had penyertaan video untuk dihantar.
- d. Video berita adalah tidak melebihi 5 minit.
- e. Video berita hendaklah diterbitkan di dalam salah satu daripada platform media elektronik, media cetak dan media digital.
- f. Hasil videografi adalah asli dan memiliki hak cipta sepenuhnya.
- g. Video hendaklah dengan jelas memaparkan mengenai peranan atau sumbangan PERKESO. Contohnya, produk atau skim yang dikuatkuasakan PERKESO seperti Skim Bencana Pekerjaan, Skim Keilatan, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), Skwad PERKESO Prihatin, faedah PERKESO, Portal MYFutureJobs, Pusat Rehabilitasi PERKESO, Program Return To Work dan sebagainya. Selain itu, kandungan laporan juga boleh berkisar mengenai inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan PERKESO menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi yang diperkenalkan Kerajaan seperti Program Pengekalan Pekerjaan (ERP), Program Subsidi Upah (PSU),

PenjanaKerjaya, PenjanaGig, SPS Lindung, SIP PRIHATIN, Program Saringan Prihatin dan sebagainya.

## **9. Anugerah Emas PERKESO**

Anugerah ini diberikan kepada organisasi media yang telah berjaya menghasilkan paling banyak liputan atau laporan berita mengenai PERKESO bermula 1 Jun 2021 sehingga 21 Oktober 2021.

Anugerah Emas PERKESO ini diwujudkan khas bersempena Sambutan Jubli Emas PERKESO bagi mengiktiraf sumbangan dan peranan luar biasa media dalam mempromosikan jenama PERKESO secara meluas kepada khalayak umum.

Pencalonan dan penjurian akan dibuat sepenuhnya oleh pihak Pengurusan Tertinggi PERKESO dan Jawatankuasa Majlis Anugerah PERKESO 2021.

### **Syarat Khusus**

- a. Tiada penyertaan atau pertandingan khusus dibuka bagi pertandingan ini. Sebaliknya, penentuan pemenang adalah berdasarkan kiraan liputan atau laporan media yang diterbitkan oleh mana-mana agensi media berdaftar di Malaysia.
- b. Hasil liputan atau laporan berita mestilah mengenai PERKESO.
- c. Terbitan adalah dari tempoh bermula 1 Jun 2020 sehingga 21 Oktober 2021.
- d. Karya atau laporan berita hendaklah diterbitkan di dalam mana-mana daripada platform media seperti media elektronik (televisyen, radio, etc.), media cetak (surat khabar, majalah, etc.) dan media digital (portal berita dan media sosial).